

Konvo UTHM 11 Oktober

Batu Pahat: Seramai 3,381 graduan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerima ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen Ke-14 bermula 11 hingga 13 Oktober ini di Dewan Sultan Ibrahim UTHM, di sini.

Pendaftar UTHM, Abdul Halim Abdul Rahman berkata, Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar selaku Canselor berkenan mencemar duli bagi menyempurnakan sidang pertama majlis konvokesyen itu pada jam 9 pagi, 11 Oktober.

“Seramai 29 graduan menerima ijazah doktor falsafah (PhD), 487 pula menerima sarjana dan 2,242 akan di-anugerahkan sarjana muda manakala 623 lagi adalah penerima diploma,” katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Abdul Halim berkata, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa juga akan dimahsyurkan sebagai Pro-Canselor kedua UTHM.